

Oleh Salbinous Saribun  
bhvarsiti@bh.com.my

Kota Kinabalu

**S**eramai 20 pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Utara Malaysia (UUM) berjaya menamatkan kursus bahasa Mandarin di Tianjin, China, baru-baru ini.

Kursus bahasa tiga bulan itu ialah sebahagian daripada pengisian Program Mobiliti Pelajar Malaysia-Rakyat Republik China selama enam bulan selepas semester terakhir di universiti berkenaan.

Kursus itu anjuran Pusat Kecemerlangan Industri (Peruncitan dan Pemborongan), Kementerian Pendidikan dengan kerjasama National Advance Training Centre (NATC) dan Tianjin Foreign Studies Universiti (TFSU), China.

Ketua Pelaksana Pusat Kecemerlangan Industri UUM, Prof Madya Dr Hartini Ahmad, berkata program Mobiliti Pelajar Malaysia-Rakyat Republik China itu bertujuan meningkatkan kebolehpasaran graduan di bidang peruncitan dan pemborongan.

“Dengan penggunaan bahasa Mandarin, dijangkakan graduan mempunyai kelebihan untuk diambil berkerja dalam

# 20 pelajar UMS, UUM tamat kursus bahasa Mandarin

“.....”

**PROGRAM MOBILITI PELAJAR MALAYSIA-RAKYAT REPUBLIK CHINA ITU BERTUJUAN MENINGKATKAN KEBOLEHPASARAN GRADUAN DI BIDANG PERUNCITAN DAN PEMBORONGAN”**

**Prof Madya Dr Hartini Ahmad,**  
Ketua Pelaksana Pusat  
Kecemerlangan Industri UUM



Sebahagian daripada pelajar UMS dan UUM yang mengikuti kursus bahasa Mandarin di China.

industri. Hal ini dibuktikan melalui beberapa industri tempatan yang menunjukkan minat untuk mengambil mereka selepas program ini berakhir,” katanya.

#### Prestasi cemerlang

Sementara itu, Dekan Kolej Pertukaran Antarabangsa (TFSU), Prof Xiang Cheng-Dong berkata, pelajar Malaysia menunjukkan prestasi cemerlang kerana dapat berkomunikasi bahasa Mandarin dengan baik dalam masa yang singkat.

Beliau berharap, program seperti itu dapat diteruskan pada masa akan datang

kerana pelajar bukan saja untuk mempelajari bahasa, tetapi pendedahan kepada budaya masyarakat China yang unik.

Pengarah Pembangunan Perniagaan NATC, Noor Azli Yusof pula berpendapat, gandingan kali pertama dengan pelajar tempatan dan menjadi faktor pembelajaran pantas berbanding dengan kumpulan pertama tahun lalu.

Selepas tamat kursus, semua pelajar berkenaan ditempatkan di beberapa industri peruncitan seperti rangkaian Parkson, China dan Aeon Mall, China bermula awal Januari lalu.